

Puteri atasi isu ahli menganggur

POH: Pergerakan Puteri Umno akan berusaha mendapatkan pekerjaan bagi kira-kira 1,000 siswazah menganggur yang menganggotai pergerakan itu.

Ketuanya, Datuk Noraini Ahmad, berkata pihaknya akan menganjurkan temu duga terbuka di Melaka pada Oktober ini untuk kumpulan berkenaan,

"Kira-kira 1,000 ahli yang mempunyai ijazah itu akan ditemuduga untuk diserapkan dalam pelbagai bidang pekerjaan yang ditawarkan syarikat swasta dan agensi kerajaan.

"Ia satu daripada program Puteri Umno bagi menyelesaikan masalah

pengangguran di kalangan ahli Puteri yang menjadi lepasan Universiti," katanya selepas merasmikan Festival Nasyid Puteri Umno Perak di sini, semalam,

Noraini berkata, selain usaha mendapatkan pekerjaan kepada anggotanya, Puteri Umno juga akan membantu mereka menyertai bidang usahawanan.

Dalam ucapannya, beliau berkata, nasyid boleh menjadi hiburan alternatif kepada generasi muda.

Katanya, era kini begitu menabar dan generasi muda mudah disogok pelbagai hiburan yang melalaikan. - Bernama